



حَفْلُ التَّخْرُجِ ك-9
HAFL AL-TAKHARRUJ KE-9

Ristawan

1440 H | 2019 M

اُونِوَرْسِيْتِي اِسْلَامِ سُلْطَانِ شَرِيْفِ عَلِي
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI



F



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

CANSELOR

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI



**DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA (DR) HAJI AL-MUHTADEE BILLAH
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance
(First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines),
The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.**

MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI

**PRO-CANSELOR
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**



Diterbitkan oleh:

UNISSA PRESS

Simpang 347, Jalan Pasar Gadong

Gadong BE 1310

Negara Brunei Darussalam

Hakcipta Terpelihara © 2019

Hakcipta Terpelihara. Kandungan buku “Ristaan” yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pengerusi

Dr Hajah Rose binti Abdullah

Setiausaha

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

Ahli-Ahli

Awang Hamzah bin Awang Haji Jali

Rasidah binti Haji Abdul Razak

Reka Bentuk Hiasan Kulit

Mohammad Alias bin Haji Metussin

Rekaletak Dalam

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

Jurufoto

Pusat Teknologi dan Multimedia

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Isi Kan-

Sekapur Sirih	4
Titah	5
HafI Al-Takharruj ke-8	7
Mahrajan HafI Al-Takharruj	11
Kecemerlangan Akademik	13
Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan	16
Program Pembangunan	20
Komitmen Antarabangsa	38
Lawatan Kerja Ke Luar Negara	42
Kunjungan Dari Luar Ke UNISSA	47
UNISSA dan Masyarakat	52
Aktiviti UNISSA	58
Kecemerlangan Pelajar	61



Sekapur Sirih

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى
آله وصحبه أجمعين،

Ahamdulillah atas limpah kurnia Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* buku Ristaan sempena Hafli Takharuj ke-9 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2019 telah dapat diungkayahkan penerbitannya. Buku ini memaparkan data-data utama dan aktiviti-aktiviti warga UNISSA sejak daripada bulan September 2018 hingga Julai 2019.

Dalam tempoh tersebut, kita menyaksikan UNISSA terus berkembang dengan program-program akademik, penyelidikan, penerbitan dan pelaksanaan hubungan strategik di peringkat serantau dan antarabangsa. Tidak ketinggalan, para tenaga akademik dan para pelajar terus menaburbakti dengan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat dan memasyarakatkan UNISSA. Semua ini telah dirakamkan dalam buku Ristaan ini untuk menjadi tatapan, kenangan dan rujukan di masa hadapan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada para graduan di atas kejayaan menamatkan pengajian di UNISSA. Semoga para graduan sekalian akan sentiasa bersedia menghadapi cabaran-cabaran mendatang dengan bekalan ilmu dan pengalaman yang ada malah sentiasa terus berusaha mempertingkatkan diri dan menyumbang bakti kepada agama, masyarakat dan negara.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DR HAJI NORARFAN BIN HAJI ZAINAL
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Titah

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-8 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam Pada Hari Isnin, 07 Muharram 1440H bersamaan 17 September 2018M.

السلام عليكم ورحمة الله
وبركاته

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Haflut Takharruj kali ke-8, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Beta terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian masing-masing. Beta juga tidak lupa melafazkan penghargaan kepada para ibubapa, penjaga dan pensyarah yang sama-sama menyumbangkan sokongan dan khidmat bagi kejayaan para graduan ini.

Kita sama-sama memahami, bahawa universiti adalah sebuah gedung ilmu. Disinilah tempat menimba ilmu, tempat berguru dan tempat membina syakhshiah para siswazah. Oleh yang demikian, suka Beta mengingatkan semula, bahawa kelahiran UNISSA, bukan setakat untuk menambah bilangan universiti di negara ini, malah penubuhan UNISSA bertujuan untuk menyediakan pengajian tinggi Islam tulen sejati. Kerana itu pastikan, UNISSA tidak menyimpang ke mana-mana.

Berjalanlah di atas landasan asal mengagungkan ilmu, bagi satu perubahan pesat yang mencabar. Para graduan perlu mampu untuk menguasai ilmu dan menggunakannya bagi pembangunan. Inilah cabaran abad ke-21 untuk dipenuhi. Semua orang tidak boleh lalai menghadapinya.

Oleh itu, sebagai pelengkap, UNISSA perlu menyediakan program-program berkualiti dan sekaligus mengajarkan kepada para pelajar kemahiran-kemahiran bagi mengadaptasi keperluan sekarang dan akan datang. Ini, termasuklah dengan mengemaskinikan semua program akademik yang ada.

Pastikan semua program menepati sasaran. Kita tidak mahu, yang tersurat sahaja kelihatan cantik, tetapi yang tersirat jelik. Misalnya, semua orang mengakui kebaikan undang-undang, tetapi terhadap undang-undang Islam, ada yang memandang serong. Ini juga, turut menjadi kewajipan kepada UNISSA, untuk membetulkan perspektif yang lapok ini, yang amat mengelirukan.

UNISSA, mesti terus berazam untuk memperkasa pengajian dan pendidikan Islam tulen. Kuatkanlah hujah memerangi kebatilan. Kebatilan itu, tidak mesti muncul daripada dalam, bahkan banyak yang datang daripada luar. Ia datang dengan pelbagai cara, ada dengan cara dibawa, dan lebih lumrah ialah melalui aplikasi media.



Kita orang Brunei dan UNISSA, jangan terlepas pandang perkara ini. Ini adalah racun perlu dielakkan. Sebaliknya pertahankanlah 'kebenaran' dalam ugama, sekalipun banyak pihak tidak menyukainya. Selama mana Allah suka, maka itulah pilihan kita.

Beta mahu, UNISSA menjadi tonggak memelihara ugama. Ia perlu kukuh dan teguh, ibarat tembok yang kuat, berperanan menahan ombak besar.

Kerana itu, melihat kepada kepentingan ini, Beta telah memperkenankan satu tapak, di Mukim Labu, Temburong bagi kampus kekal UNISSA didirikan. Beta juga memperkenankan satu peruntukkan di bawah Rancangan kemajuan Negara ke-11 bagi pembinaan kampus ini.

Beta berharap dengan adanya kampus ini kelak, akan melonjaklah lagi reputasi UNISSA dan sekaligus merealisasikan harapan kita semua untuk melihatnya sebagai hab pengajian tinggi Islam di rantau ini.

UNISSA bukan sahaja perlu cemerlang dalam negara, malah juga mesti cemerlang di peringkat serantau dan global. Maka untuk itu, tibalah masanya untuk UNISSA merebut kedudukan dari segi sistem 'ranking' di peringkat rantau mahupun dunia. Alangkah baiknya, jika UNISSA dapat membuktikan dirinya sebagai mampu untuk menjadi saingan kepada universiti-universiti yang lain. Akhirnya, Beta turut mengambil peluang untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang meliputi ahli-ahli Majlis, ahli-ahli Senat, rektor, pegawai utama, ahli-ahli akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

HAFIL

Al-Takharruj Ke-8

Seramai 208 graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima ijazah dan sijil dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian di Majlis Hafil Al-Takharruj Ke-8, UNISSA yang berlangsung pada 7 Muharram 1440 bersamaan dengan 17 September 2018 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berkenan berangkat bagi mengurniakan ijazah dan sijil ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA.

Keberangkatan Baginda dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Hafil Al-Takharruj 2018 telah melakar sejarah dengan pengurniaan Ijazah Doktor Kehormat Kewangan Islam ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA yang disempurnakan pengurniaannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengabadikan kenangan bergambar ramai bersama para graduan.


Hafil Al-Takharruj Kali Ke-8 ini telah menyaksikan dua graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 25 graduan Ijazah Sarjana, 17 penerima Diploma Lepas Ijazah, 142 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda, enam graduan menerima Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan al-Dirasaat al-Islamiyyah, 12 graduan menerima Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah dan empat penerima Sijil Barnamij al-Tarqiyah (Program Peningkatan).

Hafil Takharruj Ke-8, UNISSA juga telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran seramai 21 buah Institusi pengajian tinggi luar negara iaitu daripada India, Bangladesh, Sudan, Timor Leste, Malaysia dan Indonesia.





Hafiz Al-Takharrij





KE-8 UNISSA 2018



Mahrajan HAFL AL-TAKHARRUJ KE-



Sebagai sebuah Universiti Islam yang terunggul di Negara Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berusaha menggembeng tenaga untuk menampilkan para belia Institusi Pengajian Tinggi (IPT), khasnya mahasiswa dan mahasiswi UNISSA bagi sama-sama menjayakan acara Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA telah berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Timbalan Pengerusi Majlis UNISSA; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA. Pameran Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 dengan tema 'Belia Berkepimpinan Menjayakan Wawasan Negara', yang mana pemilihan tema tersebut adalah untuk memartabatkan belia dan menonjolkan sumbangan belia UNISSA dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Diantaranya ialah mengetengahkan tokoh belia Islam di zaman kegemilangan Islam; seperti Imam al-Syafi'e, Imam al-Bukhari, Ibn Sina dan Al-Khawarizmi.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan sumbangan Tokoh Belia Tanah Air iaitu terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari; Awang Khairul Nazif bin Haji Damit dan Awang Mohamad Iqbal bin Haji Damit.

Pada majlis tersebut juga Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan melancarkan Buku-buku Terbaharu Terbitan UNISSA. UNISSA berjaya menerbitkan 27 buah buku dalam pelbagai bidang hasil tulisan tenaga akademik tempatan dan luar negara.


Duli Yang Teramat Mulia juga seterusnya diperkenalkan dengan para mahasiswa UNISSA yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti ilmiah dan kemasyarakatan. Turut serta dalam pameran tersebut ialah Jabatan Ukur dan Persatuan Astronomi Brunei Darussalam serta beberapa persatuan dan pertubuhan belia di Brunei.





Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan melancarkan 28 buah buku terbaharu UNISSA Press.

Mahrajan Hafli Al-Takharruj Ke-8 Tahun kali ini diungkhaykan bersama oleh Bahagian HEP dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa sebagai peneraju utama dengan kerjasama Fakulti Pembangunan Pengurusan Islam dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.



Program Cerapan Matahari telah diungkhaykan pada 11 September, 2018.



Peraduan Menulis Khat sempena Mahrajan telah diadakan pada 9 September 2018.



Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i: Pemantapan Solat Berjema'ah bagi orang ramai telah diadakan pada 10 September 2018.

Graduan UNISSA



PROGRAM	2019
PhD	3
Sarjana	20
Sarjana Muda	174
Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie	6
Diploma Lepas Ijazah	2
Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah	84
Jumlah Graduan	289

Pelajar Lepas Ijazah SESI PENGAJIAN

2019/2020
















Pelajar Ijazah Sarjana Muda & Diploma SESI PENGAJIAN 2019/2020



KECEMERLANGAN Akademik

Expatriates Academic Staff Nationalities

Malaysia		7
Indonesia		5
Egypt		3
Sudan		2
Algeria		2
India		2
Thailand		1
Nigeria		1
Canada		1
Mali		1
Tunisia		1
Iraq		1
Uganda		1

Academic Staff 2018

Positions	Locals	Expatriates	Total
Senior Professor	0	1	1
Professor	0	5	5
Associate Professor	2	5	7
Senior Assistant Prof	2	6	8
Senior Lecturer	1	4	5
Assistant Professor	11	8	19
Lecturer	25	3	28
Assistant Lecturer	8	0	8
Tutor	4	0	4
		Total	85

Supporting Staff 2018

Posts	Total
Officers & Staff	62
Officers & Staff (Seconded)	13
Staf (MinCom)	40
Officers (Daily Paid)	2
Officers (I-Ready)	14
Staff (Daily Paid)	8
Staff (Part Time)	11
Total	150

STATISTIK Bahan Terbitan Unissa



LAWATAN Kerja Penerbitan UNISSA PRESS & UUM PRESS

Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) telah mengadakan lawatan kerja selama empat hari di UUM Press, Universiti Utara Malaysia, Kedah pada 2 hingga 5 Sya'ban 1440 bersamaan 8 hingga 11 April 2019. Delegasi UNISSA Press terdiri daripada enam orang staf yang diketuai oleh Profesor Madya Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pengerah PPP.

Melalui program lawatan dan pemerhatian di tempat kerja, staf UNISSA Press berkesempatan menimba ilmu dan kemahiran tentang proses kerja dalam bidang penerbitan

iaitu tugas editorial, penyuntingan, pra-penerbitan, pembacaan pruf, reka letak, reka bentuk kulit buku dan grafik, percetakan, pengeluaran, pemasaran, pengurusan kedai dan stor buku.

Lawatan UNISSA Press telah membuka jalan untuk kerjasama lebih jauh yang bermanfaat kepada kedua-dua belah pihak seperti kerjasama dalam pemasaran dan jualan buku serta usaha sama penerbitan judul yang mempunyai permintaan di kedua-dua negara antara Brunei dan Malaysia.





Bengkel Penulisan BUKU TEKS TINGKATKAN

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) telah mengadakan Bengkel Penulisan Buku Teks pada 15 & 16 Safar 1440 bersamaan 24 & 25 Oktober 2018.

Bengkel berkenaan memfokuskan kepada penggunaan buku teks yang menjadi salah satu genre yang sedang berkembang dalam kalangan ahli akademik dan penerbit universiti.

Buku teks banyak membantu untuk menyampaikan ilmu dengan lebih mudah dan berkesan malah mahasiswa-mahasiswi pula dapat menguasai sesuatu subjek atau topik dengan adanya sebuah buku teks yang baik dan sesuai.

Di samping itu, penerbit universiti pula membantu ahli-ahli akademik dan tenaga pengajar menjana pendapatan melalui buku teks. Oleh itu, Penerbit UNISSA mengadakan bengkel tersebut untuk ahli akademik dan pengajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Tujuan bengkel dilaksanakan adalah untuk menambah bahan pengajaran dan pembelajaran IPT di Negara Brunei Darussalam dan juga untuk meningkatkan kemahiran penulisan buku teks dalam kalangan ahli akademik di negara ini.

Dalam bengkel tersebut, para peserta telah diberi penerangan tentang pengenalan penerbitan buku teks, senario penerbitan buku teks dunia, nama-nama besar dalam penerbitan buku teks di peringkat antarabangsa, kos dan harga buku teks, trend dalam penerbitan buku teks dan cabaran yang dihadapi oleh penerbit buku teks dan sebagainya.

Bengkel tersebut dibimbing oleh seorang pakar jemputan iaitu Pengarah Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Dr Roosfa Hashim.



UNISSA SEMARAK Pesta Buku BRUNEI 2019

Dalam menyemarakkan lagi aktiviti Pesta Buku Brunei Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, 2019 Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan telah mengadakan program Bincang-Bincang Buku iaitu bagi buku-buku Terbitan UNISSA Press pada 25 Jamadilakhir 1440 bersamaan 2 Mac 2019 bertempat di Pentas Kegiatan, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Para pembentang bagi program ini ialah Prof Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan Fakulti Bahasa Arab (FBA) dengan buku bertajuk “Bahasa Arab Untuk Haji-Umrah-Ziarah” (Arab-Melayu), Awang Khairul Hidayatullah Basir, Penolong Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dengan buku bertajuk “Managing Oil Wealth: Lessons For Brunei To Learn From Norway”, dan Dr Shohibuddin bin Haji Laming, Pensyarah Fakulti Usuluddin (FU) membicarakan tentang buku “Kepedulian Masyarakat Brunei Darussalam Terhadap Bacaan Surah Al-Fatihah”.

Moderator bagi Sesi Bincang-Bincang Buku ini ialah Dayang Surinah binti Haji Nordin, Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk menampilkan penulis-penulis dari kalangan tenaga akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan sebagai penghargaan kepada penulis yang telah menyumbangkan hasil penyelidikannya. Program ini juga untuk mengupas dan menghuraikan isi kandungan buku berkenaan di samping mempromosikan buku-buku terbitan UNISSA PRESS.

Program Bincang-Bincang Buku ini telah dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir terdiri para pensyarah dari beberapa buah institusi Pengajian Tinggi, pegawai-pegawai daripada beberapa buah Jabatan-Jabatan Kerajaan, pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Arab serta wakil beberapa buah Syarikat-Syarikat Pengendali Pakej Haji dan Umrah.





Dr Shahrul Nizam Salahudin, Dekan FPPI.

Kolokium dan Seminar

Perkembangan Islam dan Peradaban Melayu

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Rektor, Dr Arman bin Haji Asmad.

Kolokium dan seminar kali ini bertemakan Kajian Bahasa dan Budaya Melayu Islam Nusantara dengan objektif untuk memberikan pemahaman mengenai perkembangan Islam dan peradaban Islam Melayu serta menggali kembali khazanah keilmuan dan kontribusi pemikiran dalam kajian dan menyelidik perkembangan kesusasteraan Islam, Bahasa, Adat Budaya Islam di Brunei dan Indonesia khususnya dan secara amnya di Nusantara.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) dengan kerjasama Fakultas Adab dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin (UIN STS) Jambi, Indonesia telah mengadakan Kolokium dan Seminar Perkembangan Islam dan Peradaban Melayu pada 8 Muharram 1440 bersamaan 18 September 2018 bertempat di Auditorium UNISSA.

Rombongan UIN STS diketuai oleh Professor Dr Maisah, Dekan Fakultas Adab dan Humaniora juga selaku pengerusi bersama majlis tersebut.



Dr Arman bin Haji Asmad, Pemangku Timbalan Rektor bersama Jawatankuasa Kolokium dan Seminar.



Luncheon

Bersama Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato' Seri Lela Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Karim

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FFPI) telah mengadakan satu *Luncheon Talk* pada 85 Safar 7006 bersamaan 3 November 8674 bertempat di Presidential Lounge, Rizqun International Hotel, Gadong.

Luncheon Talk ini telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato' Seri Lela Jasa Haji Awang Abdul

Rahman bin Haji Awang Karim.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norfarhan bin Haji Zainal, Yang Berbahgia Profesor Dato' Dr Abdul Halim bin Tamuri, Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad.

Training For “World Banking System”

The Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through its Faculty of Islamic Economic and Finance in collaboration with the Centre for Leadership and Lifelong Learning held the World Banking System Training Programme on 18 Safar 1440 corresponding to 27 October 2018.

Delivering her welcoming remarks was the Director of Centre for Leadership and Lifelong Learning, Ustazah Siti Nurasmah binti Haji Damit, who highlighted the importance of the knowledge on The World Banking System.

The World Banking System training programme was presented by Dr Hakimah binti Yaacob as the facilitator. The training programme aims to provide a comprehensive and practical knowledge on the effective Islamic banking system and operations for effective Islamic banking systems and operations for effective supervision. It also aims to provide a comprehensive, practical and up-to-date knowledge in Islamic banking regulatory framework, systems and

operations. A total of 29 participants from government and private officers, bankers, private law and audit firms, academicians and public attended the training programme.



The “World Banking System” training programme was presented by Dr Hakimah binti Yaacob, Senior Assistant Professor, Faculty of Islamic Economic and Finance (FEKIm), UNISSA.

Program Kemahiran Bahasa Al-Qur'an UNTUK ORANG RAMAI SESI OGOS 2018



Program Kemahiran Bahasa Al-Qur'an (Kemahiran Mendengar & Bertutur) Sesi Ogos 2018.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat telah menawarkan Program Kemahiran Bahasa Al-Qur'an (Kemahiran Mendengar & Kemahiran Bertutur) bagi sesi Ogos 2018 kepada orang ramai.

Program Kemahiran Bahasa Al-Qur'an sesi Ogos ini diadakan dua kali seminggu iaitu pada setiap hari Jumaat dan Ahad, bermula pada 14 September 2018, jam 8.30 hingga 10.30 pagi

bertempat di kampus UNISSA. Seramai 10 orang peserta yang terdiri daripada orang-orang persendirian, pelajar, pegawai dan kakitangan kementerian telah menyertai Program Kemahiran Bahasa Al-Qur'an sesi Ogos ini.

Program Kemahiran Bahasa Al-Qur'an ini khusus diadakan untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk mempelajari dan mempraktikkan kemahiran mendengar dan bertutur di dalam bahasa Arab.

PROGRAM Tadabbur Al-Quran SESI OKTOBER 2018



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat telah menawarkan Program Tadabbur Al-Quran untuk orang ramai sesi Oktober 2018. Program Tadabbur Al-Qur'an bagi sesi Oktober ini diadakan sekali seminggu iaitu pada setiap hari Ahad, bermula

pada 21 Oktober 2018, jam 8.30 hingga 10 pagi bertempat di kampus UNISSA. Seramai 79 orang peserta yang terdiri daripada orang-orang persendirian, muallaf, pelajar, pegawai dan kakitangan kementerian telah menyertai program ini.



Ceramah Umum: PEMBANGUNAN LESTARI DARI PERSPEKTIF ISLAM

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) telah mengadakan satu

berinteraksi dengan alam sekitar bagi memastikan kelestarian sesebuah pembangunan.

Program ini juga menjadi wadah aspirasi bagi kedua institusi pendidikan tinggi Islam untuk menjalin dan membangun jaringan kerjasama yang boleh dikembangkan luaskan mengikut kepakaran yang ada.

Ceramah Umum bertajuk Pembangunan Lestari dari Perspektif Islam pada 18 Safar 1440 bersamaan 27 Oktober 2018 bertempat di Auditorium UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad.

Ceramah Umum ini telah disampaikan oleh Dr Atih Rohaeti Dariah, Timbalan Rektor II, Universitas Islam Bandung, Indonesia dan dipengerusikan oleh Dr Shereeza binte Mohamed Saniff, Pensyarah dan Ketua Program Sarjana Muda di FPPI.

Antara objektif program tersebut adalah untuk membuka pola pemikiran tentang kepentingan pembangunan secara lestari dari segi perspektif Islam di samping memberikan pendedahan tentang pengurusan pembangunan Islam dengan lebih mendalam. Program ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan syaksiah pelajar agar mereka memahami cara



Dr Atih Rohaeti Dariah, Timbalan Rektor II, Universitas Islam Bandung, Indonesia dan dipengerusikan oleh Dr Shereeza binte Mohamed Saniff, Pensyarah FPPI.

Training “HOW TO WRITE A SHARIA CONTRACT”

The Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through its Faculty of Islamic Economic and Finance (FEKIm) in collaboration with the Centre for Leadership and Lifelong Learning (C4L) held the “How to Write a Sharia Contract” Training Programme on 2 Rabiulawal 1440 corresponding to 10 November 2018.

The training programme was presented by Senior Assistant Professor, Dr Hakimah binti Yaacob as the fascilitator. The training programme aims to provide an understanding to the correct method in reading a contract, the features of both Civil and Sharia contracts and how to write a simple Sharia contract.

A total of 55 participants from government and private officers, bankers, private law and audit firms, academicians and interested participants attended the training programme.



Dr Hakimah binti Yaacob as a fascilitator of the training.



PEMBENTANGAN ISU HALAL DI NEGARA **Kuwait dan**

Pembentangan kertas kerja mengenai isu Halal telah dibentangkan oleh Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh, Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di dua buah negara iaitu Kuwait dan Turki.

Kertas kerja bertajuk “Halal Food Standards in Brunei and Malaysia Towards Global Challenges” telah dibentangkan oleh beliau semasa persidangan 3rd Kuwait International Conference on Life Sciences (KICLS 2018) anjuran Universiti Kuwait pada 19-21 Rabiulawal 1440 bersamaan 27-29 November 2018 bertempat di Moven Pick Hotel, Kuwait.

Manakala pembentangan kertas kerja “Bleeding Efficiency, Meat Drip Loss of Broiler Chicken Slaughtered with Traditional Halal, Non-Halal & Decapitation Methods” pula telah dibentangkan dalam persidangan World Halal Summit 2018 yang telah berlangsung pada 21-24 Rabiulawal 1440 bersamaan 29 November hingga 2 Disember 2018 di Eurasia Show and Art Center, Istanbul, Turki. Persidangan berkenaan adalah anjuran The Standards and Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIC), Islamic Centre for Development of Trade & Discover Events, Aseel Uluslararası Fuar Hizmetleri.

UNISSA TURUT JAYAKAN AES 2018 DALAM Pembentangan Ucaptama



Bandung dengan 11 universiti lain dari seluruh pelusok Indonesia. Simposium ini merupakan aktiviti atau program tahunan yang diadakan bersilang tempat dengan penganjuran yang silih berganti. Pertemuan ilmiah selama dua hari ini telah berjaya menggabungkan seramai lebih kurang 300 peserta dengan empat sesi plenary yang menampilkan empat pembentang ucaptama. Pembentang-pembentang ucap tama terdiri daripada Dr. Gavin B. Sullivan (Coventry University), Prof. Dr. Didi Sukyadi, (Universitas Pendidikan Indonesia), Profesor Madya Dr Roslan bin Mohd Nor (Universiti Malaya), dan Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu (Universiti Islam Sultan Sharif Ali). Jemputan pembentangan ini merupakan satu penghargaan bagi Fakulti Usuluddin khasnya dan bagi

The 3rd Asian Education Symposium 2018 (AES 2018) telah diadakan pada 15-16 Muharram 1440 bersamaan 25-26 September 2018 yang mana Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung (UIN SGD Bandung) menjadi penganjur utama. Pada tahun ini, penganjur memilih “Global Collaboration on Education for Sustainability” sebagai tema yang menjadi tampuk perbincangan. Simposium bertaraf antarabangsa ini adalah gabungan bersama UIN SGD

UNISSA amnya. Kesempatan bertemu para ilmuwan ini juga dijadikan medan perbincangan dan percambahan fikiran mengenai isu-isu yang berkaitan perkembangan pendidikan dan pengajian tinggi serantau dan global. Selain daripada pembentangan ucaptama, pihak UIN SGD Bandung juga mengambil kesempatan menjemput Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu, Dekan Fakulti Usuluddin, UNISSA untuk memberikan Kuliah Umum di Program Pasca Sarjana.

Pendidikan Islam PERLU SELARI DENGAN PEREDARAN MA-



Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas Ijazah (SAPLI) 2018 Kali Kelima anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Pengajian Lepas Ijazah (PPLI) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) diadakan pada 29-30 Safar 1440 bersamaan 7-8 November 2018 di Auditorium UNISSA.

"Pendidikan Islam perlu selari dengan peredaran masa agar minat para pelajar kita terhadap pengajian akan terus kekal dan mapan," katanya.

Oleh yang demikian jelasnya, setiap tenaga akademik UNISSA perlu ghairah dalam menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran terkini berasaskan teknologi digital.

Terdahulu, Pengarah PPLI selaku Pengerusi Seminar, Dr Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah dalam ucapan alu-aluan antara lain berkata, seminar itu dapat memperkukuhkan hubungan ukhwa di antara penyelidik-penyelidik muda dalam kalangan mahasiswa juga memberi peluang untuk mempelajari dan bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan di antara negara-negara.

Seminar ini memfokuskan kepada isu-isu pendidikan, undang-undang, tamadun dunia dan banyak lagi bidang ilmu yang diterokai.

Perasmian seminar berkenaan disempurnakan tetamu kehormat majlis iaitu Datin Seri Paduka Dr Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh, Timbalan Menteri Pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan dalam ucapannya berkata, penganjuran seminar berpaksikan penyelidikan itu amat bertepatan bagi mengetengahkan ilmu teori pengajian Islam kontemporari dalam kalangan penyelidik Islam dan keperluan mengaplikasikannya dalam semua aspek kehidupan.

Menurut beliau, percambahan minda dan perkongsian dapatan penyelidikan melalui seminar itu setentunya akan dapat menyumbang kepada penambahbaikan dalam pengajaran juga pembelajaran di kedua-dua buah institusi penganjur dan dalam kalangan tenaga-tenaga akademik yang menyertai seminar tersebut.

Tambahnya, hasil seminar berkenaan dijangka akan membolehkan UNISSA dalam melahirkan graduan-graduan yang menguasai ilmu dan menggunakannya atau mengaplikasikannya bagi pembangunan juga kemajuan negara dan masyarakat.

Beliau juga menyeru tenaga akademik UNISSA agar memanfaatkan kecanggihan teknologi masa kini untuk keperluan ilmu pengetahuan dengan cara yang betul.

Kertas perdana pada seminar itu dibentangkan oleh Rektor KUIS, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Ab. Halim bin Tamuri dengan tajuk "*Empowering Digital Society through Integration of Multidisciplinary Aspect: Embedding Akhlak Values in Education*" dan Pensyarah Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Profesor Dr Salahuddin bin Shamsudin, selaku pembentang ucapatama.

Sebanyak 71 kertas kerja telah dibentangkan yang melibatkan peserta-peserta dari luar negara.

Seminar yang bertemakan "Pengajian Islam Kontemporari antara Teori dan Aplikasi" itu bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa akan kepelbagaian aktiviti dan projek penyelidikan untuk memperkaya pengalaman akademik mereka juga menjadi platform kepada mahasiswa membentangkan hasil penyelidikan masing-masing.

Turut hadir pada seminar tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr Awang Haji Azman bin Haji Ahmad; Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr Chin Wei Keh dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr Haji Adanan bin Haji Basar.



UNISSA TERIMA SUMBANGAN Mushaf Al-



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima sumbangan mushaf Al-Quran dan buku-buku daripada Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam. Penyampaian mushaf dan buku-buku tersebut berlangsung pada 23 Rabiulawal 1440 bersamaan 1 Disember 2018 bertempat di Perpustakaan UNISSA dan telah disampaikan oleh Yang Mulia Ali Abdullah A. Al Shehry, Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak 550 buah Mushaf al-Quran serta tafsiran bahasa Melayu dan Inggeris di samping 553 buah buku-buku telah diterima oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sebelum penyerahan Mushaf dan buku-buku tersebut, Yang Mulia Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam telah membuat sesi perjumpaan dengan Rektor UNISSA.



UNISSA LECTURERS & STUDENTS GAIN Better Understanding on Islam in

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) lecturers and students had the opportunity to listen to an Arabic public lecture, held in conjunction First Deputy Chairman of the Russian Muftis Council (RMC) Rushan Abbyasov's visit to the university.

UNISSA Rector, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Ambassador of the Russian Federation to Brunei Darussalam Vladlen Semivolos, principal officers, faculty deans and centre directors of UNISSA were also present at the talk titled 'Islam in Russia.'

According to Rushan Abbyasov, the indigenous Russian Muslims are concentrated in two main areas – between the Black Sea and Caspian Sea, and the middle of the Volga basin. Other areas with notable Muslim population include Moscow, St Petersburg and cosmopolitan cities in Siberia, with a majority of Russian

Muslims practising Sunni of the Hanafi School, and most Muslims of the North Caucasus are Shaff'ie.

Rushan Abbyasov also noted that one of the oldest mosques in Russia and CIS is the Juma Mosque, built in 733. It has withstood the ravages of time, and has been included in the UNESCO World Heritage list.

The Russian Muftis Council is a centralised religious organisation of Russian Muslims that unites religious boards of Muslims and various religious Muslim organisations in the Russian Federation.

Since its foundation in 1996, the RMC is headed by Mufti Sheikh Ravil Gaynutdin.



PELANCARAN SAMBUTAN Hari Bahasa Arab

Buat julung kalinya, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Sambutan Hari Bahasa Arab bersempena Hari Bahasa Arab Sedunia yang diadakan pada 7-9 Jamadilakhir 1440 bersamaan dengan 12-14 Februari 2019 di Auditorium UNISSA.

Sambutan tersebut dianjurkan bersama Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) dan Rabihat Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei telah dilancarkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Menurut Yang Berhormat Pehin dalam ucapannya menjelaskan, sambutan dengan tema 'Negara Zikir di Negara Zikir' itu memberi peluang besar ke arah merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebuah Negara Zikir iaitu dengan menguasai bacaan doa, memahami kitab Allah SWT dan sunnah Nabi Muhammad SAW serta memahami buku-buku warisan Islam sekali gus menguasai Bahasa Arab.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Pehin turut merasmikan Jurnal Fakulti Bahasa Arab, UNISSA secara atas talian dan berpeluang menyaksikan pameran kreativiti Bahasa Arab yang

mempamerkan budaya dan ketamadunan bangsa Arab.

Antara objektif sambutan berkenaan adalah untuk mewujudkan persekitaran Bahasa Arab yang kondusif yang dapat membuka ruang buat para pelajar untuk berinteraksi dalam Bahasa Arab di kalangan sesama sendiri dan tenaga pengajar UNISSA dan KUPU SB serta pelajar dari luar agar cenderung terhadap Bahasa Arab.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberigakan kepentingan Bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadat, bahasa ilmu dan bahasa tamadun kepada masyarakat di negara ini.

Selain dapat meningkatkan kepekaan masyarakat terhadap Bahasa Arab dengan menonjolkan usaha, inisiatif dan kejayaan negara, institusi dan individu yang berkaitan, ia juga dihasratkan dapat merealisasikan gagasan Negara Zikir dengan memartabatkan penggunaan Bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam.

Majlis turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap KHEU selaku Ra'es Jawatankuasa Eksekutif Rabihat Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Ra'es KUPU SB, Dr Haji Adanan bin Haji Basar termasuklah duta-duta dan perwakilan dari negara-negara Arab di negara ini.



“HALALAN THAYYIBAN TALK” SIRI 1: Mempertingkatkan Pengetahuan dan Tahap Kesedaran Pelajar Tentang Produk Halal

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halal Thayyiban (PPHT), telah menganjurkan Sesi Perkongsian Ilmu “Halalan Thayyiban Talk” Siri 1 bertemakan “Ke arah Membangun Generasi *Thayyibūn Wa Thayyibāt*” pada 7 Jamadilakhir 1440 bersamaan 14 Mac 2019 bertempat di Dewan Jubli, UNISSA.

Pihak PPHT telah mengundang penceramah jemputan iaitu Awang Haji Abdul Rahman bin Pengarah Haji Mokti, Penolong Ketua Istinbat di Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam dengan ceramah bertajuk “Halalan Thayyiban dari Perspektif Al-Quran dan Al-Hadis: Menangani Isu Berkaitan Pemakanan Halal”.

Seramai lebih kurang 100 orang pelajar UNISSA hadir semasa sesi perkongsian ilmu tersebut.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah Prof. Madya Dr Nurdeng Deuraseh, Pengarah PPHT, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, Mantan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan para pensyarah UNISSA.

Sesi perkongsian ilmu tersebut adalah bertujuan untuk membolehkan para pelajar memperoleh dan memahami ilmu berkaitan halalan thayyiban dengan melihat kepada bukti al-Quran dan al-Hadis di samping meningkatkan pengetahuan

tentang peranan Jabatan Mufti kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan produk halal.

Dalam sesi taklimat, penceramah jemputan menyatakan tentang definisi konsep Halalan Thayyiban sebagaimana yang dinyatakan oleh syarak sebagai sesuatu yang Halal (*Halalan*) dan murni, tidak berbahaya dan tidak menjijikkan terhadap keadaan manusia (*Thayyiban*). Beliau selanjutnya mengatakan bahawa isu berkaitan tentang Halal dan Haram haruslah dirujuk kepada sumber-sumber Islam yang ada, seperti al-Qur'an, Sunnah Nabi, dan pengesahan dari Para Ulama. Ia tidak mencukupi dengan hanya merujuk kepada salah satu sumber sahaja.

Di akhir sesi ini, para pelajar yang hadir dapat berinteraksi secara langsung dengan panel penceramah semasa sesi soal jawab. Diharapkan sesi perkongsian ilmu ini akan dapat melahirkan pelajar yang boleh menyumbang kepada pengembangan industri halal dan memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna tentang kepentingan produk halal terutamanya kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Sesi perkongsian ilmu ini akan diteruskan lagi dengan Siri akan datang.



Signifikan TITAH PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

Melayu Islam Beraja (MIB) adalah falsafah negara dan teras kenegaraan, yang menjadi pegangan rakyat Brunei untuk terus memelihara dan mengekalkannya dari masa ke semasa.

Perkara tersebut merupakan antara intipati Kuliah Khas bertajuk “Signifikan Titah Pemasyhuran Kemerdekaan” disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Kuliah Ilmiah Kursus MIB Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2018/2019 (Semester 2) berlangsung pada 16 Jamadilakhir 1440 bersamaan 21 Februari 2019 di Dewan Auditorium, UNISSA.

Dalam Kuliah Khas tersebut, Yang Berhormat turut



mengingatkan agar sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan dihayati oleh generasi muda agar mereka benar-benar memahami asas dalam mempertahankan negara dengan konsep Melayu Islam Beraja yang telah lama mengekalkan pemerintahan beraja sampai sekarang selama lebih 1500 tahun.

Kuliah Khas MIB anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UNISSA itu telah dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA, Yang Mulia Dr Adam bin Haji Jait.



Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menganjurkan *Industrial Talk on Shariah Governance In Islamic Financial Institutions* pada 11 Jamadilakhir 1440 bersamaan 16 Februari 2019 bertempat di Dewan Jubli, UNISSA.

Objektif program tersebut diadakan ialah untuk memberikan pengenalan mengenai sistem tadbir urus Shariah serta prinsip-prinsipnya di institusi kewangan Islam di Malaysia.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Dr Abdul Nasir bin

INDUSTRIAL TALK ON SHARIAH GOVERNANCE IN Islamic Financial

Haji Abdul Rani, Dekan FEKIm.

Lebih daripada 100 orang peserta telah menghadiri ceramah tersebut yang terdiri daripada tenaga akademik dari institusi pengajian tinggi tempatan, mahasiswa dan mahasiswi, pengamal industri kewangan Islam dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Takaful Brunei Darussalam Sdn Bhd, Perbadanan TAIB, Yasaar Advisory Services (B) Sdn Bhd dan juga orang ramai.

Di dalam sesi ceramah tersebut, dua orang pembentang dari Zurich Takaful Malaysia Berhad telah menyampaikan ceramah masing-masing. Ahmad bin Zainal Abidin, Ketua Penasihat, Penyelidikan dan Latihan telah membentangkan tajuk mengenai *Shariah Governance in Islamic Financial Institutions*. Antara yang dikongsikan ialah *Shariah Governance Framework* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 2010. Sementara itu, Muhammad Hafizul Fikry bin Mah Ali, Ketua Kajian Shariah telah menyampaikan ceramahnya yang bertajuk *Shariah Review dan Non-Compliance Reporting*. Beliau telah menerangkan tatacara memahami piawai dan kerangka perundangan bagi laporan ketidakpatuhan Syariah (SNC) di Malaysia.

Deputy Rector

ATTENDED THE 10TH AIUA MEETING IN BENGKULU, INDONESIA



Deputy Rector of UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad during the 10th AIUA Meeting.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) attended the 10th Asian Islamic Universities Association (AIUA) meeting held at State Islamic Institute of Bengkulu (IAIN Bengkulu), Jalan Raden Patah, Pagar Dewa Village, Selebar, Kota Bengkulu, Bengkulu, Indonesia on 20-24 Rejab 1440 corresponding to 27-31 Mac 2019.

Deputy Rector of UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad on behalf of UNISSA's

Rector attended the 10th AIUA meeting which was hosted by IAIN Bengkulu. While in Bengkulu, Deputy Rector of UNISSA was also invited as one of the speakers to deliver a speech at the International Seminar with the theme of Role, Challenges & Prospects of Arabic Language Education in the Era of Globalization, organized by the Faculty of Tarbiyah and Tadris (FTT), and the Faculty of Ushuluddin, Literature and Dakwah (FUAD), IAIN Bengkulu.

Bengkel Literasi Maklumat

Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan bengkel "*Introducing Information Literacy to Public Librarian*" untuk Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 21 & 22 Jamadilakhir 1440 bersamaan 26 & 27 Februari 2019 bertempat di Perpustakaan UNISSA.

Bengkel ini telah disertai oleh 16 orang pustakawan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka



Dayang Norhasinah binti Haji Maksin, Ketua Perpustakaan UNISSA memberi penerangan bagi pengenalan bengkel.

mengenai kemahiran literasi maklumat disamping membantu membuka minda pustakawan di dalam mereka bentuk modul program literasi maklumat dan menyediakan isi kandungan program yang bersesuaian untuk orang ramai selaras dengan usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dalam meningkatkan lagi perkhidmatan perpustakaan.

Tiga modul program literasi maklumat telah disampaikan di dalam bengkel ini iaitu Modul 1: Basic Library Skills and OPAC, Modul 2: e-resources dan Modul 3: Introduction to citation and Mendeley.



Majlis Perasmian

PAMERAN KEAGUNGAN TANAH SUCI SEMPENA BSB IBU NEGARA KETEMADUNAN ISLAM BAGI RANTAU ASIA



Yang berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam selaku Tetamu kehormat.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Majlis Perasmian Pameran Keagungan Tanah Suci Sempena Bandar Seri Begawan (BSB) Ibu Negara Ketemadunan Islam dengan kerjasama antara UNISSA dan Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), Federation of the Universities of the Islamic World (FUIW) dan Jam'iyah Marakiz al-Ahya Makkah al-Mukaramah yang diadakan pada 24 Sya'ban 1440 bersamaan dengan 30 April 2019 bertempat di Ruang Legar Ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Pameran yang dianjurkan ini amat bermakna dengan kehadiran delegasi penganjuran bersama dari pihak Jam'iyah Marakiz al-Ahya Makkah al-Mukaramah yang diketuai oleh Dr Talal bin Mohammad Abu al-Nur, Vice Chairman of the Board dan juga selaku Director General bersama dengan empat orang pegawai pengiring dan juga mewakili pihak ISESCO dan FUIW, Mohammed Cheikhi, Pegawai Sekreteriat General dari Morocco.

Pameran ini adalah untuk memartabatkan kemuliaan Tanah Haram sebagaimana Allah Subhanahu

Wataala telah mengangkat Makkah Al-Mukarramah sebagai tanah suci dengan menjadikan Ka'abah sebagai kiblat kepada orang-orang Islam, dan memuliakannya sebagai tapak wahyu utusan terakhir Nabi Muhammad Sallallahu Alahi Wasalam.

Turut sama hadir memeriahkan pameran ini ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, Raes KUPU SB, Timbalan Setiausaha Tetap, Wakil Syarikat Agensi Pelancongan (Urusan Haji dan Umrah), Pelajar Sekolah, Pegawai-Pegawai Utama UNISSA dan para penyarah.

Perlaksanaan HUKUM SYARIAH PENGUKUH MIB

Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan identiti orang Melayu Brunei yang sudah lama diperjuangkan sehingga ke hari ini. Perkara tersebut merupakan antara inti pati Kuliah Khas bertajuk Perlaksanaan Hukum Syariah Pengukuh MIB oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syari'e, Negara Brunei Darussalam pada sesi kuliah khas bagi Kursus MIB Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2018/2019 (Semester 2) yang diadakan pada 11 Sya'ban 1440 bersamaan dengan 17 April 2019 di Dewan Auditorium, UNISSA.



Program PENINGKATAN KESEDARAN MENGENAI

Pada 23 Jamadilakhir 1440 bersamaan dengan 28 Februari 2019, ahli akademik dan staf PPHT serta 5 pelajar UiTM yang menjalani latihan industri di PPHT telah menghadiri Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal anjuran

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diadakan di Bilik Mau'izzah, Pusat Da'wah Islamiah.

Program ini memberikan penerangan mengenai prinsip halal dari sudut halal, hukum dan aspek kebersihan dan keselamatan makanan dan produk selain Makanan. Di samping itu, menerangkan tanggungjawab individu sebagai pengguna.



HALAL EXECUTIVE Course

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, UNISSA with the cooperation of the Halalan Thayyiban Research Centre (HTRC) and Centre for Lifelong Learning (C4L), had organized a Halal Executive Course on 4 Jamadilakhir 1440 correspondence to 9 February 2019. Halal Executive Course organized with the aim to increase knowledge on Halal and Haram matters in Islam apart from highlighting the importance of the Halalan Thayyiban philosophy.

The one-day course was attended by 23 participants comprising officers from the government and private sector, business company and factory owner as well as food distributors, academics and students from higher education institutions. Associate Professor Dr Nurdeng Deuraseh, Director of the HTRC, had delivered the course. The course aimed to provide exposure on several matters including halal standards and regulations pertaining to the Halal industry.



Perutusan PPHT 2019 DAN MOTIVASI

Acara ini dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) pada 8 Jamadilawal 1440 bersamaan dengan 14 Januari 2019 dengan tujuan untuk menyampaikan perutusan dari Pengarah PPHT, Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh, di samping memberikan motivasi kepada para mahasiswa dan mahasiswi PPHT supaya lebih bersemangat dan bermotivasi untuk menghadiri kursus-kursus di Semester 2, Sesi 2018/2019 ini. Acara diakhiri dengan sesi gambar ramai.



Halalan Thayyiban

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, telah mengadakan siri terakhir perkongsian ilmu iaitu “Halalan Thayyiban Talk” Siri 3 yang bertemakan “Ke arah Membangun Generasi Thayyibun wa Thayyibat” pada 28 Rejab 1440 bersamaan dengan 4 April 2019 bertempat di Dewan Jubli, UNISSA.

Hadir selaku penceramah jemputan adalah Yang Mulia Ustaz Awang Ahmad Haziq bin Haji Abdul Hamid, Pegawai Ugama Kanan di Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seramai 100 orang pelajar termasuk pensyarah-pensyarah dan kakitangan dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dijemput hadir dalam mendengarkan sesi perkongsian tersebut. Sesi perkongsian dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Mohammad Hadisaifullah bin Abdul Rahim, Rais Unit Keagamaan, Halalan Thayyiban Student Society (HTSS).

Yang Mulia Ustaz Awang Ahmad Haziq bin Haji Abdul Hamid memulakan perkongsian dengan menyatakan latar belakang dan tanggungjawab BKMH di dalam memantau kemasukkan dan pengeluaran makanan dan produk Halal di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Jabatan Perdana Menteri.

Yang Mulia Ustaz juga menerangkan tentang prosedur kemasukan daging halal ke Brunei Darussalam serta permohonan sijil halal bagi setiap rumah penyembelihan tempatan. Yang Mulia Ustaz juga menekankan tentang peranan Pegawai Pemerhati yang dipengerusikan oleh Pengarah Hal Ehwal Syariah; untuk memastikan proses penyembelihan di abattoir negara luar mengikut syarat-syarat yang ditentukan demi menjamin kualiti, kebersihan dan status kehalalan daging tersebut. Manakala proses *stunning* pula tidak digalakkan kecuali bagi binatang berkaki empat seperti



lembu dengan syarat tulang kepala binatang tersebut tidak retak kerana ia boleh dikategorikan haram untuk dimakan.

Kemudian beliau menerangkan jika pemohon gagal untuk memohon sijil halal atau penyalahgunaan logo halal akan dikenakan tindakan.

Pada penghujung sesi, para pelajar dapat berinteraksi dengan sesi soal jawab dengan tetamu kehormat.

Diharap agar sesi perkongsian ini dapat menghasilkan pelajar yang dapat menyumbang kepada perkembangan industri Halal dan dapat meningkatkan kesedaran diantara para pengguna tentang kepentingan produk Halal terutamanya kepada orang awam.

“Para Ulama Peneraju Ummah”

MUZAKARAH ULAMA NUSANTARA MAZHAB SYAFI’I

Bersempena dengan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi’i (PPMS) buat julung kalinya menganjurkan Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi’i pada 7 Rejab 1440 bersamaan dengan 13 April 2019 bertempat di Dewan Auditorium UNISSA.

Muzakarah yang menggabungkan tokoh-tokoh ulama dan sarjana Islam adalah bagi membentangkan kajian berkaitan dengan Mazhab Syafi’i dalam pelbagai disiplin ilmu yang relevan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan kertas ucapnama bertajuk Ulama Peneraju Ummah ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Semasa menyampaikan kata-kata aluan Pengerusi Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi’i yang juga merupakan Pengarah PPMS, Dr Azme bin Haji Metali berkata PPMS

akan mengorak langkah maju ke hadapan dalam menggiatkan lagi aktiviti keagamaan selaras dengan penubuhannya sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu Islam di peringkat serantau dan antarabangsa yang mempunyai jenama sebuah Universiti Islam bermazhab Syafi’i.

Tambah beliau lagi, muzakarah yang diadakan ini merupakan satu wadah kepada percambahan minda melalui penyatuan ulama dan sarjana Islam terkemuka serantau untuk membentangkan kajian yang bertemakan “Ulama Peneraju Ummah”.

Majlis turut diisikan dengan pelancaran buku Ensiklopedia Mazhab Syafi’i Negara Brunei Darussalam. Ensiklopedia tersebut mengandungi empat jilid termasuk bahagian dua yang terbahagi kepada bahagian pertama dan kedua yang disempurnakan pelancarannya oleh tetamu kehormat majlis.

Turut hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang



Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah dan Mantan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki.



UNISSA MENERIMA SUMBANGAN BUKU-BUKU



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima sumbangan buku daripada Mr Masaki Fujiwara, General Manager Mitsubishi Corporation sebagai wakil kepada Japan-Brunei Friendship Association pada 21 Rejab 1440 bersamaan dengan 28 Mac 2019 bertempat di Perpustakaan UNISSA.

Sejumlah 13 buah buku disumbangkan dan disampaikan oleh Mr Masaki Fujiwara, General yang diterima oleh Pemangku Penolong Rektor, Dr Hajah Lilly Suzanna binti Haji Shamsu.

Buku-buku yang disumbangkan berkenaan adalah berkaitan dengan Belajar Bahasa Jepun. Sumbangan tersebut dapat membantu Perpustakaan UNISSA dalam menambah lagi bahan bacaan dan koleksi sebagai rujukan kepada orang ramai khususnya para mahasiswa UNISSA.

Majlis dihadiri sama oleh Pemangku Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Ustazah Siti Nurasmah binti Haji Damit dan Ketua Perpustakaan, UNISSA, Dayang Norhasinah binti Haji Moksini.

Sumbangan Buku DARIPADA SURUHANJAYA TINGGI INDIA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima sumbangan buku daripada Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar pada 23 Sya'ban 1440 bersamaan dengan 29 April 2019.

Sejumlah 38 buah buku disumbangkan dan disampaikan sendiri oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi India yang diterima oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal. Buku-buku ini meliputi pelbagai topik seperti kebudayaan, politik, ekonomi, sejarah, tokoh-tokoh



terkenal serta beberapa buku akademik.

Rektor UNISSA mengucapkan penghargaannya kepada Pesuruhjaya Tinggi atas sumbangan tersebut yang dapat membantu Perpustakaan UNISSA dalam menambah lagi bahan bacaan dan koleksi sebagai rujukan kepada orang ramai khususnya para mahasiswa UNISSA.

Perjumpaan telah diadakan di Pejabat Rektor UNISSA dalam rangka mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara UNISSA dan Suruhanjaya Tinggi India di

samping akan mengadakan program-program ilmiah yang merupakan sebahagian daripada usaha berterusan dalam mengukuhkan hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan India. Setakat ini UNISSA telah mempunyai hubungan dua hala pendidikan dengan enam buah universiti ternama di India melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU). Majlis dihadiri sama oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain Bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-13

Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-13 anjuran Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) telah diadakan pada 20-21 Zulkaedah 1440 bersamaan dengan 23-24 Julai 2019 bertempat di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Muzakarah Ke-13 bertemakan 'Sinergi Antara Institusi Kewangan Islam dan Obligasi Sosial: Isu dan Hala Tuju' itu merupakan kesinambungan kepada perbincangan Muzakarah Ke-12 yang diadakan di Thailand tahun lalu. Perbincangan tersebut telah menyimpulkan pelbagai isu syariah yang perlu diteliti khususnya berkaitan dengan zakat dan dana sosial dalam sistem kewangan Islam.

Muzakarah seumpamanya akan memberikan platform bagi

membina perbincangan dan diskusi yang dinamik antara pihak yang berkepentingan dalam institusi kewangan Islam, khususnya para cendekiawan syariah dan pengamal industri di Nusantara.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Abdul Hafiz bin Haji Abdul Kadiroshan, Mahasiswa Tahun 2 Program Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Kehakiman), Fakulti Syariah dan Undang-undang, UNISSA diikuti dengan ucapan alu-aluan yang telah disampaikan oleh Pengerusi bersama Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKI dan Pengarah Eksekutif, ISRA, Malaysia, Profesor Dr. Mohamad Akram Laldin.

Majlis perasmian diisikan dengan Pembentangan Kertas Ucaptama daripada Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia, Yang Berbahagia Encik Aznan bin Abdul Aziz diikuti dengan Pembaharuan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan ISRA. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA Dr Haji Norfarhan bin Haji Zainal sementara pihak ISRA diwakili oleh Pengarah Eksekutif ISRA, Profesor Dr Mohamad Akram Laldin.



UNISSA TINGKATKAN **Kualiti Koleksi**

Bagi meningkatkan kualiti koleksi dan perkhidmatan perpustakaan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah melancarkan sudut penerbitan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) yang berlangsung pada 24 Zulkaedah 1440 bersamaan dengan 27 Julai 2019 bertempat di Perpustakaan UNISSA.

Pelancaran yang diadakan sempena Muzakarah ke-13 berkenaan telah disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

UNISSA telah menerima sumbangan 141 bahan rujukan daripada pihak ISRA antaranya ialah *Islamic Economics Principles and Analysis*, *Islamic Finance Systems* dan sebagainya.

Selain itu, UNISSA juga diberikan akses setahun ke Portal Repositori Pengetahuan Kewangan Islam (I-FIKR) keluaran ISRA bagi memudahkan tenaga akademik atau pelajar UNISSA mencari bahan rujukan yang berhubungkait tentang isu kewangan semasa.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Pengarah Eksekutif ISRA, Profesor Dr Mohamad Akram Laldin.

Profesor Dr Mohamad Akram Laldin dalam ucapannya melahirkan perasaan teruja dengan kerjasama jitu yang dilaksanakan oleh pihak UNISSA dan akan terus memberikan sokongan dan sumbangan ke arah pertumbuhan ekonomi Islam yang mantap.



Sudut ISRA tersebut adalah gagasan daripada penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) antara UNISSA dan ISRA baru-baru ini dan sokongan daripada Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), UNISSA yang sering bekerjasama dengan ISRA dalam perbincangan, seminar dan penghantaran pelajar.

Melalui sudut itu juga, ISRA sesuai dengan objektif untuk memperkenalkan peranannya sebagai sebuah institusi penyelidikan kewangan Islam, diharapkan dapat membantu hubungan baik antara perpustakaan dengan pengguna khususnya para pelajar.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNISSA dan Institusi Luar Negara



Shendi University, Sudan pada 17 September 2018.



DIU University, Timor Leste pada 17 September 2018.



Sekolah Tinggi Agama Islam Hasan Jufri Bawean,
Indonesia pada 17 September 2018.



Sekolah Tinggi Agama Islam Darunnajah, Indonesia
pada 17 September 2018.



Islamic University, Kushtia, Bangladesh pada 17
September 2018.



Universitas Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin
Jambi, Indonesia pada 17 September 2018.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN



Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 17 September 2018.



Universitas Islam Darussalam (UNIDA), Gontor, Indonesia pada 8 Oktober 2018.



Penandatanganan MoU dengan Majelis Pendidikan Tinggi Penelitian dan Perkembangan (DIKTILITBANG) Pimpinan Pusat Muhammadiyah, Indonesia bersama 30 buah Institusi Pengajian Tinggi di bawahnya pada 22 Oktober 2018.



Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Tazkia, Indonesia pada 9 Januari 2019.



University Mohammed V, Maghribi pada 6 April 2019.

UNISSA DAN INSTITUSI LUAR NEGARA



Saudi Electronic University (SEU) pada 10 April 2019.



The Islamic Council of Yala Province, Southern Thailand pada 16 April 2019.



Universitas Islam Riau (UIR), Indonesia pada 13 Juli 2019.



Universitas Iskandarmuda, Indonesia pada 24 Juli 2019.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNISSA dan Institusi Luar Negara



Penandatanganan MoU dengan 6 buah institusi Indonesia; Universitas Panca Bhakti, University of Muhammadiyah Malang, Sekolah Tinggi Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Persatuan Guru Republik Indonesia Sumenep, Institut Agama Islam (IA) Pangeran Diponegoro, Universitas Veteran Bangun Nusantara Sukoharjo dan Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Budi Utomo pada 25 Julai 2019.



Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA) pada 23 Julai 2019.

Ulama Digesa Pupuk Perpaduan Ummah

Majlis Perasmian Persidangan Islam Antarabangsa telah diadakan pada 4-5 Rabiulakhir 1440 bersamaan dengan 12-13 Disember 2018 di Kota Suci Makkah Mukarramah. Persidangan Islam Antarabangsa ini dianjurkan oleh Liga Dunia Islam (Rabitah 'Alam Islamiy).

Persidangan ini telah dihadiri oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku perwakilan dari Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan 1,299 Ulama dan cendekiawan muslim dari 127 negara seluruh dunia. Persidangan ini diselenggarakan atas dukungan penuh Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdul Aziz, Penjaga Dua Kota Suci.



REKTOR UNISSA HADIRI

Perasmian Ikatan Cendekiawan Muslim ASIA TENGGARA



Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menghadiri pertemuan Ikatan Cendekiawan Muslim Asia Tenggara (ICMA) yang diadakan selama tiga hari pada 28-30 Rabiulawal 1440 bersamaan dengan 6-8 Disember 2018 di Universitas Bandar Lampung, Indonesia.

ICMA dihadiri oleh para cendekiawan muslim mewakili 11 buah negara Asia Tenggara termasuk Timur Leste.

Pertemuan ICMA pada tahun ini membawa tema "Membangun sumber daya insani yang berkualitas dan bermartabat melalui peningkatan ekonomi yang adil, makmur dan mandiri".

Turut hadir pada acara perasmian ialah Menteri Sekretaris Negara Indonesia, Prof Dr Pratikno, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Prof Dr Muhadjir Effendy dan Gubernur Lampung, Muhammad Ridho Ficardo.

UNISSA Sertai Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu kali ke-8 (ICON-IMAD VIII) di Langkawi



Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu (ICON-IMAD VIII) ialah salah satu persidangan utama atau 'flagship' bagi Fakulti Usuluddin khususnya dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) umumnya. UNISSA mula menjadi penganjur bersama bergabung dengan tiga institusi pengajian tinggi terkemuka di rantau ini sejak tahun 2016. ICON-IMAD diadakan setiap tahun dengan penganjuran diadakan silih berganti di antara universiti-universiti yang bersekutu. Setakat ini ICON-IMAD mempunyai empat ahli iaitu Universiti Malaya (UM), UIN SGD Bandung, Kolej Pengajian Islam, Universiti Prince Songkla (PSU), Thailand dan UNISSA. Penganjuran ICON-IMAD kali ke-8 telah dikendalikan oleh UM yang mana telah diadakan di Hig Hotel,

Langkawi pada 21-23 Zulhijjah 1439 bersamaan 2-4 September 2018. Persidangan pada tahun ini mengangkat tema "Strengthening Regional Research Networking in Islamic Studies". Dalam persidangan kali ini, sebanyak 35 buah kertas kerja dibentangkan daripada empat buah institusi mewakili empat negara Melayu serumpun. Sebanyak sembilan buah kertas kerja daripadanya adalah daripada kajian tenaga akademik UNISSA. Dalam pada itu, ICON-IMAD VIII ini pihak penganjur telah berjaya mendatangkan rakan strategik dari Mindanao State University, Filipina sebagai jemputan yang memungkinkan ICON-IMAD melebarkan sayapnya memberi manfaat kepada umat Islam lebih jauh di rantau ini.

UNISSA Penganjur

Seramai 18 orang tenaga akademik dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menghadiri Seminar Serantau Pendidikan Tinggi Islam (SelPTI) pada 17-18 Rabiulawal 1440 bersamaan 25-26 November 2018 di Universiti Islam Sains Malaysia (UISM), Malaysia. Sebanyak 110 kertas kerja yang telah dibentangkan termasuk 18 kertas kerja dari UNISSA.

Forum bagi membincangkan tema "Kampus Barakah" juga diadakan selepas majlis perasmian yang melibatkan ketua-ketua 4 buah universiti sebagai ahli panel iaitu UNISSA telah diwakili oleh Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor UNISSA. Selain itu, kertas kerja yang ditulis oleh Dr Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu bersama dengan Hajah Nurol Halimatul Wara' binti Haji Momin telah mendapat anugerah kertas kerja terbaik dalam kategori kertas kerja bahasa Melayu. Manakala kertas kerja yang ditulis oleh Dr Haji Sohiebuddin bin



Laming telah mendapat anugerah dalam kategori kertas kerja Bahasa Arab.

Upacara penyerahan tuan rumah SeiPTI 2019 telah diserahkan oleh Naib Canselor USIM kepada Dr Arman bin Haji Asmad di mana UNISSA akan menjadi tuan rumah SeiPTI bagi kali kedua sejak ia diadakan di UNISSA pada tahun 2013.

DEPUTY RECTOR ATTENDED THE 10th AIUA Meeting in Bengkulu,



Deputy Rector of UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad on behalf of UNISSA's Rector attended the 10th Asian Islamic Universities Association (AIUA) meeting held at State Islamic Institute of Bengkulu (IAIN Bengkulu), Jalan Raden Patah, Pagar Dewa Village, Selebar, Kota Bengkulu, Bengkulu, Indonesia on 20-24 Rejab 1440 corresponding

to 27-31 Mac 2019. Deputy Rector of UNISSA was also delivered a speech at the International Seminar with the theme of Role, Challenges & Prospects of Arabic Language Education in the Era of Globalization, organized by the Faculty of Tarbiyah and Tadris (FTT), and the Faculty of Ushuluddin, Literature and Dakwah (FUAD), IAIN Bengkulu.

KUNJUNGAN UNISSA KE MAGHRIBI Raih Pengiktirafan

UNISSA memperoleh dua pengiktirafan ketika mengadakan kunjungan ilmiah ke Rabat, Maghribi pada 28 hingga 30 Rejab 1440 bersamaan dengan 4 hingga 6 April 2019. Rombongan terdiri daripada Prof. Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan Fakulti Bahasa Arab dan Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu, Dekan Fakulti Ushuluddin. Tuan Yang Terutama Prof Dr Mohammed Rhachi Presiden Universiti Mohammed V telah menandatangani MoU dengan UNISSA. UNISSA melalui Fakulti Bahasa Arab telah menghantar dua orang pelajar yang cemerlang untuk mengikuti Program Pengajian Setahun di Luar Negara (*Study Abroad Programme*) bagi sesi pengajian 2018/2019. Selain program pergerakan pelajar TYT Presiden juga

menyuarakan aktiviti-aktiviti lain yang boleh diungkapkan seperti pertukaran pelajar, penyelidikan, dan sebagainya. Hadir sama dalam penandatanganan MoU dan perbincangan dua hala ini ialah Yang Mulia Ak Haji Shahrin bin Pg Haji Bakar, Kuasausaha Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Maghribi. Pengiktirafan kedua terhadap profesionalisme UNISSA di Kota Rabat diterima dalam Mesyuarat Pertama bagi Perhimpunan Agung dan Lembaga Eksekutif Liga Institusi Pengajaran Bahasa Arab bagi Bukan Penuturnya iaitu pelantikan Yang Mulia Prof Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad sebagai Timbalan Pengerusi bagi badan antarabangsa ini yang bernaung di bawah ISESCO bagi tempoh tiga tahun yang mempunyai 32 buah negara ahli.



Rektor UNISSA Menghadiri Persidangan Di Makkah Al-Mukarramah



Persidangan Antarabangsa Nilai-Nilai Wasatiyyah dan Kesederhaan dalam al-Qur'an dan as-Sunnah yang dianjurkan oleh Liga Dunia Islam (MWL) di bawah naungan Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud telah berlangsung pada 21 hingga 23 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 27 Mei hingga 29 Mei 2019 di Makkah Hilton Convention Hotel, Arab Saudi. Persidangan ini dihadiri seramai 1300 peserta terdiri daripada pemimpin-pemimpin negara, menteri, ulama, cendawan dari 137 buah negara. Berangkat hadir merasmikan persidangan ini ialah Putera Khalid bin Faisal Al Saud, Gobenu Kota Suci Makkah dan Penasihat Penjaga Dua Masjid Suci selaku wakil

peribadi KDYMM Raja Salman. Sebanyak 27 kertas kerja dibentang dan diakhiri dengan pengisytiharan *Wathiqah* (Dokumen) Makkah al-Mukarramah yang menekankan kepentingan ajaran Islam yang sederhana diarusperdanakan oleh para pendakwah Islam. Hal ini demi mengekang benih-benih keganasan dalam doktrin agama dan tindakan-tindakan keganasan yang dikaitkan dengan segelintir pemuda Islam akhir-akhir ini. Rektor UNISSA diberikan penghormatan bagi mempengerusi sesi keempat persidangan bertajuk “Memperukuh Wasatiyyah dan Kesederhaan Dalam Komuniti Muslim”.

UNISSA RECTOR ATTENDED ICCS 2019 in

Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal attended the first International Conference on Cohesive Societies (ICCS) at the Raffles City Convention Centre, Singapore. ICCS which focuses on the theme ‘Many Communities, One Shared Future’ was organised by S. Rajaratnam School of International Studies (RSIS), Nanyang Technological University, Singapore with the support of Ministry of Culture, Community and Youth, Singapore as well as Religious Council of Singapore (MUIS) and was held from 14-16 Syawal 1440 corresponding to 19-21 June 2019.

The Conference commences with an Opening Dinner and an Opening Address by the President of the Republic of Singapore, Her Excellency Madam Halimah Yacob



on 19 June 2019. This was followed by the Conference proceedings on 20 and 21 June, highlighting a Keynote Address by His Majesty King Abdullah II ibn Al-Hussein of the Hashemite Kingdom of Jordan with several Plenary Sessions, Breakout Sessions, and Community Experience. Prior to the Conference program, a Young Leaders’ Program was also conducted from 18 to 19 June 2019.

The Conference was attended by more than 1000 participants representing more than 40 countries. Also attending the ICCS was Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector UNISSA and Khairul Nazif bin Haji Awang Damit, Assistant Lecturer at Faculty of Usuluddin, UNISSA.

4th INTERNATIONAL HALAL CONFERENCE 2019 di Osaka,

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban bersama-sama dengan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Japan Society for Halal Science and Technology (JAHAS) dengan sokongan Osaka University, Jepun dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan 4th International Halal Conference 2019 (INHAC 2019) pada 16-17 Syaaban 1440H, bersamaan 22-23 April 2019M, bertempat di Osaka University, Osaka, Jepun.

Majlis berkenaan telah diresmikan oleh Tuan Hironori Harimoto, Pengarah Eksekutif Kanan Perhubungan Antarabangsa, Department of Civil and Cultural Affairs, Osaka Prefectural Government. Turut hadir Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Prof Dr Muhamad Rahimi Osman selaku pengerusi INHAC 2019, Prof. Dr. Hisao Tomizawa, Presiden JAHAS dan Professor Dr Eiichi Tamiya, selaku wakil daripada Osaka University.

INHAC 2019 yang bertemakan "Enhancing Halal Sustainability" mengemukakan empat pembentang ucapatama yang mana salah satunya

adalah Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban UNISSA, Prof. Madya Dr Nurdeng Deuraseh.

Rektor UNISSA juga berkesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada Presiden Osaka University, Prof Dr Nishio Shojiro dan seterusnya pertemuan dengan pegawai-pegawai eksekutif Osaka University bagi mengukuhkan kerjasama dua hala sedia ada. Osaka University dan UNISSA telah memeterai perjanjian kerjasama (MoU) pada 16 Oktober 2017. Sejak itu, OU dan UNISSA mengadakan pertukaran pelajar dalam bidang halal sains.



TIMBALAN REKTOR UNISSA MENGHADIRI Mesyuarat

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menghadiri Mesyuarat Lembaga Eksekutif Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP) ke-45 di Henan, China. Mesyuarat Lembaga Eksekutif AUAP yang berlangsung pada 17 hingga 19 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 23 hingga 25 Mei 2019 telah diadakan di Universiti Sias, Zhengzhou, China.

Hadir mewakili Rektor UNISSA ke mesyuarat tersebut ialah Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor UNISSA.

Mesyuarat Lembaga Eksekutif juga diselenggarakan dengan Persidangan Tahunan Bersama AUAP-IAUP kali ke-2 yang dianjurkan secara kerjasama di antara Universiti Sias dengan the Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP) dan the International Association of University Presidents (IAUP). Tema persidangan AUAP-IAUP kali ini ialah "Model Pendidikan Tinggi Masa Depan dan Kecerdasan Buatan: Peluang dan Cabaran" (*Future Higher Education Model and Artificial Intelligence: Opportunities and Challenges*). Mesyuarat kali ini juga bertepatan dengan ulang tahun ke-20 penubuhan Universiti Sias yang mana telah ditubuhkan pada tahun 1998, dan merupakan universiti tunggal Amerika yang pertama di kawasan China Tengah (*Central China*).



Mesyuarat Lembaga Eksekutif AUAP telah dipengerusikan oleh Profesor Mahmoud Nili Ahmadabadi, President Universiti Tehran, Iran yang juga merupakan Presiden AUAP. Rektor UNISSA adalah merupakan salah seorang dari 12 ahli Majlis Penasihat (*Advisory Council*) AUAP yang telah dilantik bagi tempoh dua tahun mulai dari 19 November 2018 hingga 18 November 2020.

Kunjungan Dari



Lawatan daripada Persatuan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak
1 Oktober 2018



Lawatan daripada Dewan Perwakilan Rakyat Aceh, Indonesia
28 November 2018



Lawatan daripada Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STE) Tazkia, Indonesia
9 Januari 2019

Luar ke UNISSA



Lawatan daripada Universitas Airlangga, Surabaya, Universitas Diponegoro, Semarang, Universitas Negeri Malang dan Universitas Hasanuddin, Makassar
16 Februari 2019



Lawatan daripada Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry Aceh Darussalam, Indonesia
27 Februari 2019



Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia
7 Februari 2019



Lawatan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia
12 Mac 2019

Kunjungan Dari



Lawatan daripada Universiti Selangor (UNISEL) Shah Alam, Malaysia
13 Mac 2019



Lawatan daripada Sekolah Tinggi Kesehatan (STIKES), Mataram, Indonesia dan
Pusat Komuniti Islam Timor Leste
20 Mac 2019



Sekolah Menengah Kebangsaan St. George, Taiping, Perak, Malaysia
25 Mac 2019



Lawatan dari General Manager Mitsubishi Corporation, Jepun
28 Mac 2019



Lawatan daripada Universitas Ahmad Dahlan, Indonesia
18 April 2019

Luar ke UNISSA



Lawatan daripada empat buah universiti dari Malaysia, Indonesia dan Filipina ; Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor dan Mindanao State University (MSU).
20 April 2019



Lawatan daripada Kementerian Utiliti Sarawak
23 April 2019



Lawatan daripada Islamic Educational Scientific and Cultural Organization (ISESCO)
29 April 2019

MENERIMA KUNJUNGAN MUHIBBAH

Duta-Duta Luar Negara Ke Negara Brunei Darus-



Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan
30 Januari 2019



Pesuruhjaya Tinggi India Ke Brunei Darussalam
29 April 2019



Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam
17 Julai 2019

UNISSA & Masyarakat

Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i (Pengurusan



**Jerayawara
Kesihatan**

Program Little Caliph

UNISSA melalui Fakulti Usuluddin telah mengendalikan satu aktiviti khidmat masyarakat iaitu Program *Little Caliph* 2018. Program ini dikendalikan oleh mahasiswa program Mobiliti Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia dan mahasiswaji Tahun 3 dan Tahun 2 Fakulti Usuluddin dengan kerjasama pihak Sekolah Rendah Tanjung Kindana, Kampung Sungai Bunga.



Misi Projek Kemanusiaan Unissa ke Banteay Prey, Kemboja

29 Rabi'ulawal – 5 Rabi'ulakhir 1440 |

UNISSA-International Community Involvement Project di Banteay Prey yang terletak kira-kira 190 km dari Phnom Penh, Kemboja. Projek itu telah diangkayahkan oleh Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA, sidang 2018/2019 dengan kerjasama Emaan Foundation Cambodia.



Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan

SEMPENA HARI
KEBANGSAAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM
YANG KE-35 TAHUN

11 Jamadilakhir 1440 |



Upacara Perhimpunan Agung

SEMPENA HARI
KEBANGSAAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM YANG
KE-35 TAHUN

18 Jamadilakhir 1440 |
23 Februari 2019

AKTIVITI AMAL PUPUK Rasa Mahabbah



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah menjalankan Program Ziarah Mahabbah Kali Ke-5 pada 3 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 9 Mei 2019 di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring.

Program ini memberikan peluang kepada pelajar Tahun 1 dan 3 untuk turun padang membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh golongan kurang berkemampuan. Ia juga bertujuan memupuk rasa mahabbah, kasih mengasihi, menyantuni, menghormati dan menanamkan sikap bertolak ansur antara warga UNISSA dengan masyarakat sekeliling.

Lebih daripada 100 peserta terlibat dalam menjayakan program khidmat masyarakat ini. Tema yang dipilih tahun ini ialah 'Belia Prihatin Membawa Berkat'. Seramai 10 buah keluarga dari Kampung Rambai telah dipilih yang layak menerima bantuan.

HKU2019 PUPUK MINAT DI BIDANG Keusahawanan



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Hari Keusahawanan 2019 UNISSA (HKU2019) pada 2 Sya'ban 1440 bersamaan dengan 8 April 2019 bertempat di Pekarangan Kampus UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran HKU2019 ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norfaran bin Haji Zainal.

HKU2019 telah menarik penyertaan sekitar 50 penyertaan terdiri daripada warga UNISSA dan alumni UNISSA serta menyediakan gerai-gerai 'One Stop Start Up' dari agensi-agensi terpilih seperti BIBD 360; BIBD MSME; Darussalam Enterprise; Bahagian Kawalan Makanan Halal; Bahagian Pendidikan dan Lanjutan; Institute of Brunei Technical Education (IBTE); Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE); Yesinv Management Services Sdn. Bhd., dan UNISSA Entrepreneurship Projects.

Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani menjelaskan, penganjuran tersebut mengambil kira kejayaan penganjurannya terdahulu pada tahun 2018 serta maklum balas yang positif daripada para peserta menjadikan faktor pendorong yang kuat untuk menjadikan Hari Keusahawanan ini sebagai aktiviti tahunan fakulti berkenaan.

HKU2019 selama dua hari diisikan dengan aktiviti jualan serta Sesi Perkongsian Info dari agensi-agensi yang berkaitan seperti Registrar of Companies and Business Name; Job Centre Brunei; BIBD; Teachmeguru; Darussalam Enterprise; Bahagian Kawalan Makanan Halal dan Bank Usahawan.

HKU2019 turut menampilkan finalis usahawan tempatan berjaya dari PAZ Tarbiyyah Islamic Enrichment Centre; Syarikat Ukhuwwah Venture; Al-Huffaz Management; Yesinv Management Services Sdn. Bhd., dan Syarikat ECO Nadi Agrobiz pada sesi forum yang diadakan.



UNISSA Ramadhan Food Drive 2019



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengendalikan satu projek amal iaitu "Ramadhan Food Drive" pada 12 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 18 Mei 2019 bertempat di Mukim Labi, Daerah Belait.

Hadir mengetuai rombongan ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad dan seterusnya menyampaikan



Malam bertadarus bersama para Jemaah Masjid Kampung Labi.

sumbangan kepada keluarga yang memerlukan.

Projek amal ini telah dijalankan selama tiga hari dua malam bermula pada 10 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 16 Mei 2019.

Pada tahun ini, bantuan kewangan dan makanan asasi disumbangkan kepada 17 buah keluarga yang telah dikenal pasti dengan bantuan Ketua Kampung dan masyarakat setempat.



Seramai 35 orang pelajar UNISSA terlibat dalam menjayakan program ini yang terdiri daripada ahli-ahli MPP UNISSA, ahli-ahli Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan serta sukarelawan. Selain dari menghantar sumbangan dan ziarah mahabbah ke rumah-rumah keluarga yang terpilih, para peserta juga memanfaatkan peluang menginap di Masjid Kampung Labi dan Masjid Mashoor untuk mengeratkan ukhuwwah sesama pelajar dan juga di antara warga kampung.

Turut hadir ialah Dekan Pelajar UNISSA, Dr Supri bin Haji Sudin beserta pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA.

Kunjungan Mahabbah & Khidmat Masyarakat KE SMARTER BRUNEI

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab dan mahasiswa/wi tahun I dan II Fakulti Bahasa Arab telah mengadakan kunjungan mahabbah dan seterusnya khidmat masyarakat ke SMARTER Brunei selama dua hari iaitu 27 Mei 2019 di BACA Sg Hanching dan 28 Mei 2019 pula di EDGE Kg Mata-Mata. Objektif program ini dilakukan antara lain adalah bagi menonjolkan sifat kepimpinan dan ukhuwiyah sesama ahli Badan, pelajar-pelajar FBA dan juga warga SMARTER Brunei, menerapkan sikap prihatin dan kasih sayang terhadap golongan yang kelainan upaya, membuka ruang dan peluang kepada pelajar FBA untuk mengenali dan mengetahui secara dekat warga SMARTER



Brunei khususnya dalam bidang keusahawanan, dan mengendalikan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan golongan sasaran. Antara aktiviti yang dikendalikan ialah membantu persiapan solat, permainan interaktif, memperindahkan bilik kelas dan persekitaran SMARTER. Rombongan juga berpeluang melawat dan belajar bidang keusahawanan yang diusahakan oleh SMARTER. Di samping itu, pelajar juga telah mendengar taklimat mengenai SMARTER Brunei yang disampaikan oleh Yang Mulia Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman, Presiden SMARTER.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1440H/2019M

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 13 Syawal 1440 bersama dengan 18 Jun 2019 bertempat di Auditorium, UNISSA. Majlis Sambutan Hari Raya ini diungkuhkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA dengan berkonsepkan "Open Booth".

Dr Haji Norarfan Bin Haji Zainal, Rektor UNISSA telah hadir selaku tetamu kehormat majlis. Majlis dimeriahkan dengan kehadiran beberapa orang Ketua-Ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam serta Pegawai-Pegawai Kanan daripada Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Majlis dimulakan dengan kunjungan ke booth oleh Tetamu Kehormat Majlis untuk beramah mesra bersama Pegawai dan kakitangan UNISSA. Suasana Majlis Sambutan Hari Raya dimeriahkan dengan cabutan bertuah dan pertandingan dekorasi booth tercantik disamping persembahan tausiyah dari Mahasiswa UNISSA.



391 Pelajar Baharu UNISSA SESI 2019/2020

Seramai 391 mahasiswa dan mahasiswi baharu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah melafazkan ikrar pada Majlis Amanat dan Ikrar Pelajar Baharu UNISSA sebagai permulaan Minggu Ta'aruf pada 19 Zulkaedah 1440 bersamaan dengan 22 Julai 2019 bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.

Kesemua mahasiswa dan mahasiswi berkenaan telah diterima masuk untuk mengikuti pelbagai program pengajian di peringkat lepasan Ijazah, Sarjana Muda dan Diploma di UNISSA bagi sesi pengajian 2018/2019. Dengan kemasukan terbaharu ini, UNISSA menunjukkan peningkatan sebanyak 10 peratus daripada kemasukan pada tahun lepas.

Sepanjang Minggu Ta'aruf ini, para pelajar akan didedahkan dengan pelbagai program dan taklimat mengenai hal ehwal pentadbiran dan peraturan yang dipakai sebagai mahasiswa dan mahasiswi UNISSA, selain pengenalan kursus-kursus akademik dan lain-lain program serta aktiviti yang berkaitan.



Forum Khas Maulidur Rasul

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Forum Khas Sempena Majlis Maulidur Rasul pada 2 Rabiulakhir 1440 bersamaan 10 Disember 2018 di Auditorium UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis forum ini ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sesi forum yang bertajuk “Tarbiah Rasulullah Membawa Rahmat Kepada Keluarga” itu telah disampaikan oleh Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin, Pelajar Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab dan Awang Muhammad Akmal bin Awang Tarif, Pelajar Ijazah Sarjana Halalan Tayyiban. Manakala Dayang Ijlalina Nadzirah binti Haji Md Yunos, Pelajar Ijazah Doktor Falsafah Bahasa Arab sebagai pengerusi bagi forum khas tersebut.



Sukan Tahunan dan Hari Usrah

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Sukan dan Logistik, Majlis Perwakilan Pelajar telah mengadakan Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2019 pada 26 Jamadilakhir 1440 bersamaan 3 Mac 2019 bertempat di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri (SMPAP) Hajah Masnah.

Hadir selaku tetamu kehormat Majlis pada majlis tersebut ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Acara tahunan ini juga dihadiri sama oleh Pegawai-Pegawai Utama, para pensyarah dan para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Acara sukan “track and field” bagi peserta lelaki diadakan di padang Sekolah PAP Masna manakala bagi

peserta perempuan pula diadakan dalam bentuk pertandingan “indoor games” seperti congkak, board games dan “relay games”. Di majlis tersebut, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar iaitu Nur Hafizatul Hikmah binti Haji Seribini telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang rumah sukan kategori perempuan.



PROGRAM KURAPAK KITANI SIRI KE-10

“Dah Study Ke Belum?”



Yang Mulia Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Program Kurapak Kitani Siri Ke-Sepuluh yang bertajuk “Dah study ke belum?” pada 2 Rabiulawal 1440 bersamaan 10 November 2018 di Auditorium, UNISSA.

Program bercorak motivasi ini adalah aktiviti tahunan yang dikendalikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sempena peperiksaan semester yang akan diadakan pertengahan bulan November.

Dalam program ini, pihak penganjur telah mengundang Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan, Yang Mulia Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor untuk menyampaikan ceramah motivasi. Manakala moderator bagi program ini ialah Awang Muhammad Iqbaal Syakib Bin Haji Suhub, Naib Yang Di-Pertua MPP.

Riadah UNISSAKUCeria



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (UNISSA) 2018/2019 telah mengadakan Riadah UNISSAKu Ceria 2019 pada 7 Jamadilawal 1440 bersamaan dengan 13 Januari 2019.

Kemudian acara diikuti dengan aktiviti berjalan kaki dan berbasikal beramai-ramai di Taman Rekreasi Menteri Besar Berakas dan diteruskan dengan dua aktiviti yang menarik iaitu 'Amazing Race' dan Riadah Santai.

Sebelum acara Riadah dimulakan, sembahyang Fardhu Subuh berjemaah telah diadakan di Surau Al-Shafi'i UNISSA dan diikuti dengan tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Ustaz Haji Mohammad Ali Taufiq bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Ugama I-Ready.



Acara riadah diteruskan bertempat di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar, Berakas. Acara tersebut didahului dengan bacaan surah al-Fatihah yang diketuai oleh Awang Ahmad Shafiee Bin Aim iaitu Exco Unit Keagamaan & Kerohanian. Majlis diteruskan lagi dengan sesi pemanasan badan iaitu senam aerobik yang dikendalikan oleh Unit Sukan & Lojistik. Acara berkenaan telah dirasmikan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sambutan Hari Antarabangsa UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Para Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengendalikan majlis Sambutan Hari Antarabangsa UNISSA buat kali pertama pada 14 Jamadilawal 1440 bersamaan 19 Februari 2019 di Auditorium UNISSA. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

Majlis ini turut dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Utama, para pensyarah, kakitangan, para Mahasiswa dan mahasiswi Tahun 1 serta para pelajar antarabangsa.

Majlis dimulakan dengan sesi perkongsian yang melibatkan pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di UNISSA terdiri daripada Syazana binti Hussain dari negara Singapura, Suleiman Ali Hamad dari negara Tanzania, dan Ahmed Mohammed Alhaj Ahmed dari Palestin. Manakala Afiq Zikry Bin Zulkifli daripada negara Singapura selaku moderator bagi sesi perkongsian ini.

Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan "Choral Speaking" daripada para mahasiswi dari negara Thailand.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan ikatan



sillatullah di antara para warga UNISSA dengan pelajar antarabangsa terdiri daripada luar negara Malaysia, Singapura, Bangladesh, Indonesia, Thailand, Palestin, Tajikistan, Dagestan dan Cambodia.

PELANTIKAN Majlis Perwakilan Pelajar



Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UNISSA telah mengadakan Majlis Pelantikan ahli baru Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2018/2019 pada 12 Muharram 1440 bersamaan 22 September 2018 yang berlangsung di Bilik Senat, UNISSA.

Pada peringkat awal, seramai 10 orang calon telah disenaraikan dan dalam pusingan kedua, para pelajar sekali lagi mengundi untuk memilih pelajar yang akan memegang tujuh jawatan sebagai ahli Majlis Tertinggi MPP UNISSA.

Pada majlis pelantikan ini, tujuh pelajar telah dipilih sebagai ahli Majlis Tertinggi MPP 2018/2019 iaitu Yang Di-Pertua dipegang oleh Ahmad Shafie bin Haji Mohd Adnan, Naib Yang

Di-Pertua I ialah Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib manakala Naib Yang Di-Pertua II pula dipegang oleh Nur Zafirah binti Zainal. Menjawat sebagai Setiausaha I ialah Muhammad Adib bin Suimi manakala Setiausaha II ialah Norsuziyani binti Abdullah. Luqmanul Hakeem bin Haji Rozaini memegang jawatan sebagai Bendahari I manakala Bendahari II ialah Dyg Nabeelah Hafizah binti Dr Zainal Ariffin.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad, Pegawai-Pegawai Kanan, Tenaga-tenaga Akademik serta Ahli Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2017/2018.

FORUM SEMPENA Sambutan Isra' dan Mi'raj 1440H

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah mengadakan Sambutan Isra' dan Mi'raj Rasulullah Shallallahu' alaihi wasallam pada 4 Sya'ban 1440 bersamaan 10 April 2019 dengan menampilkan beberapa pelajar dalam Forum Khas.



UNISSA ADAKAN Program Lawatan Sambil



Rombongan FEKIm UNISSA bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke BAZNAS.

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), UNISSA telah mengadakan Program Lawatan Sambil Belajar ke Luar Negara buat kali kedua. Kali pertama program seumpamanya diadakan ialah pada tahun 2016 ke Kuala Lumpur. Pada tahun ini, Program Lawatan Sambil Belajar ke Luar Negara telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 8-13 Muharram 1440 bersamaan 18 hingga 23 September 2018.

Seramai 33 orang peserta yang terdiri daripada empat orang pensyarah, seorang kakitangan dan 26 pelajar tahun tiga Program Ijazah Sarjana Muda Sains Kewangan Islam (BScIF) dan Program Pengurusan Perniagaan (BBM), FEKIm UNISSA menyertai program tersebut. Turut sama menyertai rombongan ialah seorang Pegawai pengurus latihan dari Center for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM) dan seorang Pegawai dari Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Program Lawatan Sambil Belajar ke Luar Negara yang mendapat sokongan CIBFM ini telah diketuai oleh Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKIm UNISSA.



Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKIm UNISSA dalam sesi pertukaran cenderamata semasa mengadakan lawatan ke Dompot Dhuafa.



Program Lawatan Sambil Belajar ke Luar Negara pada tahun ini telah memfokuskan lokasi lawatannya di Jakarta Pusat dengan membawa tiga tema lawatan iaitu, Ekonomi Islam, Kewangan Islam, dan Pengurusan Perniagaan. Tempat-tempat yang dilawati ialah Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), Bank Syariah Mandiri (BSM), Kementerian Sosial Republik Indonesia (KEMSOS), Universitas Islam Negeri (UIN) Sharif Hidayatullah, Dompot Dhuafa (DD), Bursa Efek Indonesia (BEI), dan Asosiasi Dana Pensiun Indonesia (ADPI).

UNISSA MERAIKAN Pelajar Program Luar Negara, Program Pertukaran Pelajar dan Kursus Bahasa



Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal turut sama hadir bagi meraikan pelajar-pelajar yang terpilih.

Ucapan amanat pula disampaikan oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Antara ucapan beliau, pelajar-pelajar dinasihatkan untuk menimba ilmu sebanyak mungkin, dan mendapatkan pengalaman, serta mempelajari budaya positif bangsa serta masyarakat setempat yang boleh menjadi 'oleh-oleh' berguna sesudah pulang ke tanah air nanti. Dalam masa yang sama, para pelajar adalah digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti anjuran universiti dan juga aktiviti kemasyarakatan semasa berada di perantauan nanti. Ini amat berguna sebagai wadah dalam meluaskan perspektif, pemikiran dan pengalaman pelajar agar lebih menghargai pengalaman menimba ilmu di negara lain,

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi pelajar-pelajar UNISSA yang akan mengikuti Program Setahun Pengajian di Luar Negara, Program Pertukaran Pelajar dan Kursus Bahasa Arab. Majlis berkenaan telah diadakan pada 15 Muharram 1440 bersamaan 25 September 2018.

Seramai 18 orang pelajar UNISSA yang cemerlang dan telah melalui proses pemilihan melalui temuduga mengikuti pengajian di Universiti Yarmouk, Jordan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu, Universiti Sultan Qaboos, Oman dan buat julang kalinya, di Universiti Mohammed V, Rabat, Maghribi. Manakala, dua orang pelajar lagi akan mengikuti Kursus Intensif Bahasa Arab selama lapan minggu di Kolej Sultan Qaboos Oman di bawah tajaan biasiswa Kesultanan Oman.



UNISSA Got

Bahagian Kokurikulum, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UNISSA buat pertama kalinya telah menganjurkan program “UNISSA Got Talent” (UGT) pada 22 Safar 1440 bersamaan 31 Oktober 2018 di Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal. Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad dan Pengarah PPIB, Dr Adam bin Haji Jait selaku Pengerusi Majlis.

Seramai hampir 100 pelajar telah ikut serta dalam “UGT” tersebut dengan mempersembahkan bakat masing-masing mengikut kategori pertandingan. Dalam pertandingan Tarannum Al-Quran berkumpulan telah dimenangi oleh “Team Qari A”, manakala juara pertandingan Tausyeh pula disandang oleh “Kumpulan al-Hijrah”. Pertandingan Hafazan pula telah dimenangi oleh Dayang Maisarah Milatul Mukarromah.

Bagi pertandingan ciptaan tayangan video terbaik dijuarai oleh kumpulan mahasiswa tahun 2 berjudul “UNISSAku”. Kategori Pengucapan Umum pula telah dimenangi oleh Dayang Muslimah binti Mahadi dan juara foto terbaik ialah Awang Mohamad Afiq Hasif bin Abu Bakar. “Show your talent” pula merupakan persembahan mengikut bakat peserta telah dijuarai oleh Kumpulan Al-Haq selaku johan persembahan terbaik keseluruhan.

Aktiviti ini adalah untuk meningkatkan keupayaan mereka sebagai individu yang kompetitif, dengan potensi untuk menjadi pemimpin masyarakat di masa hadapan.



UNISSA MENYERTAI Pertandingan Main Peranan Undang-Undang



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai Pertandingan Main Peranan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa Serantau yang pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 26 Muharram 1440 bersamaan 6 Oktober 2018.

UNISSA telah diwakili oleh tiga orang pelajar daripada program Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah iaitu Arif Azhan bin Awg Besar, pelajar tahun 3; Muhammad Hafiz bin Haji Hamzulani, pelajar tahun 4 dan Muhammad Rusyududin bin Bagul, pelajar tahun 5.

Ikut sama mengiringi rombongan ialah Dr Ahmad Ma'sum, pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU).

UNISSA STUDENTS PARTICIPATED IN History Apprenticeship Programme

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through its Faculty of Islamic Development Management (FPPI) hosted an opening ceremony for its Pioneer in History Apprenticeship programme in collaboration with the Brunei History Centre. The event was held on 2 Rabiulakhir 1440 corresponding to 10 December 2018 at the UNISSA Auditorium.

Acting Deputy Principal of Brunei History Centre Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad was the guest of honour. Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, lecturers from the Faculty of Islamic Development Management and invited guests were also present.

The programme aimed at exposing the students to a more 'hands-on' approach to their studies as well as to cultivate the students' leaderships, teamwork as well as communication and critical thinking skills.



PELAJAR DAN ALUMNI UNISSA HADIRI BENGKEL

Bright Ideas: LiveWire Brunei Business



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah menganjurkan bengkel keusahawanan 'Bright Ideas' selama dua hari pada 20 & 21 Jamadilakhir 1440 bersamaan 25 & 26 Februari 2019.

Bengkel tersebut telah disertai oleh seramai 54 orang pelajar termasuk Alumni UNISSA.

Fasilitator bengkel tersebut ialah Awang Haji Abdul Yusrin bin Dato Haji Mohd Salleh dari LiveWIRE Brunei. Sepanjang bengkel ini para peserta didedahkan dengan aktiviti penilaian jati diri dan mempelajari elemen penting dalam pelan perniagaan serta pendedahan kepada strategi pasaran yang efektif.

KURSUS KEPIMPINAN BAGI Majlis Perwakilan Pelajar Sesi



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah mengadakan Kursus Kepimpinan selama 3 hari 2 malam bagi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2018/2019 pada 26-28 Rabiulakhir 1440 bersamaan dengan 3-5 Januari 2019 di "Outward Bound Sabah", Kinarut.

Aktiviti yang dijalankan ialah lawatan ke beberapa tempat iaitu Muzium Tamadun Islam, Muzium Sabah dan Aquarium & Marine Universiti Malaysia Sabah (UMS), kursus kepimpinan, aktiviti-aktiviti lasak seperti "Rock Climbing", "Abseiling", mendaki bukit "Outward Bound Sabah" kira-

kira 3 kilometer, diikuti dengan berkayak, "Flying Fox" dan "Tree Climbing" setinggi 40 kaki.

Aktiviti lain ialah "Outdoor Cooking" iaitu latihan untuk mempertahankan diri apabila berada di dalam hutan, aktiviti "Team Building" dan cara pembinaan Rakit dan mengayuhnya secara berkumpulan. Acara Majlis Penutup dan menerima sijil telah diadakan pada hari terakhir kursus berkenaan yang mana telah disampaikan oleh Chai Moi Len, Executive Director, Outward Bound Sabah.

Lawatan n Sambil Belajar Ke Ladang Cili Syarikat Eco Nadi



Seramai 32 orang pelajar Tahun 3 dan 4 dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang dikendalikan oleh Persatuan Pelajar Ekonomi dan Kewangan Islam (iFESS) telah mengadakan lawatan ke Ladang Cili Syarikat ECO Nadi Agrobiz yang terletak di kawasan Kemajuan Pertanian, Kampung Sinaut, Tutong pada 29 Rabiulakhir 1440 bersamaan dengan 6 Januari 2019. Juga hadir semasa lawatan tersebut ialah Pemangku Dekan FEKIm UNISSA, Dr Mohammad Zaki bin Haji Zaini dan pensyarah FEKIm UNISSA lainnya.

Syarikat ECO Nadi Agrobiz mula beroperasi sejak tahun 2014 yang diusahakan oleh Awang Haji Muhd. Ayub bin Haji Suhaili.



Majlis Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan

**PERSATUAN ALUMNI UNISSA TAHUN 2018 &
PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF
ALUMNI UNISSA**



Majlis Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Persatuan Alumni UNISSA Tahun 2018 telah diadakan pada 6 Rabiulawal 1440H bersamaan 14 Disember 2018 bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA dengan kehadiran seramai 33 orang graduan UNISSA.

International Jogja

Rombongan daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diwakili oleh tiga orang pelajar daripada Ahli-Ahli Tertinggi Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UNISSA 2018/2019 iaitu Awang Ahmad Shafie bin Haji Mohd Adnan, Dayang Nur Zafirah binti Zainal dan Dayang Norsuziyani binti Abdullah telah berlepas ke Yogyakarta, Indonesia bagi menyertai *International Jogja Youth Camp* pada 23-25 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 28-30 Jun 2019.

Program ini merupakan anjuran UIN Sunan Kalijaga, Indonesia. Antara lain pengisian program ini termasuklah seminar mengenai komuniti ASEAN dan sesi bengkel bagi para peserta. Selain itu, para peserta juga akan berpeluang untuk memberikan khidmat mereka kepada masyarakat setempat di Yogyakarta.

Selain daripada Negara Brunei Darussalam, program ini turut disertai oleh wakil daripada National University Singapore, Liverpool University Singapore, International



Islamic University Malaysia, Kolej University Islam Selangor, Prince of Songkla University, University of the Philippines Diliman dan Universiti-Universiti Negara Tuan Rumah, Indonesia.

PELAJAR UNISSA SERTAI

Award of The Holy Quran of The Asean Bahrain



Empat orang pelajar dan alumni daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berlepas ke Bahrain bagi menyertai *Award of the Holy Quran Of The ASEAN Bahrain Council - The First Session* pada 7-12 Ramadhan 1440 bersamaan 13-18 Mei 2019.

Pertandingan anjuran *The ASEAN Bahrain Council* ini merupakan program yang diadakan buat julung-julung kalinya di mana antara lain ia bertujuan untuk meningkatkan kerjasama di antara Negara Bahrain dan negara-negara ASEAN. Selain daripada Negara Brunei Darussalam, pertandingan ini turut disertai oleh wakil daripada Malaysia, Indonesia, Thailand, Philippines dan Negara Tuan Rumah, Bahrain.

Rombongan ini disertai oleh para pelajar UNISSA iaitu Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin, Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman dan Abdull Mu'in bin Haji Abd Hamid serta Abdul Qawiyuddin bin Suhaili, alumni UNISSA. Hadir bagi mengucapkan selamat jalan kepada para peserta pagi tadi ialah Dr Supri bin Haji Sudin, Dekan Pelajar UNISSA.

PROGRAM KURAPAK KITANI SIRI KE-11

'Endgame (The Last Part of The Process)'

Pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan forum ilmiah pada 14 Sya'ban 1440 bersamaan dengan 20 April 2019 dalam Program Kurapak Kitani Siri Ke-Sebelas dengan tajuk "*Endgame (The Last Part of the Process)*".

Majlis diisi dengan Program yang disampaikan oleh Ustaz Abdul Rahman bin Haji Ajak, Adjung Penolong Pensyarah UNISSA yang dipengerusikan oleh Awang Mohammad Zainol Ariffin bin Mohammad Jaini @ Zainuddin.

Program khas ini bertemakan "*Endgame (The Last Part of the Process)*" bertujuan untuk memberi inspirasi dan motivasi kepada para mahasiswa dan mahasiswi di

UNISSA yang akan menduduki peperiksaan akhir semester 2 yang akan bermula penghujung bulan April.

Di majlis ini juga memberikan peluang kepada para mahasiswa dan mahasiswi untuk mengajukan persoalan dan pencerahan setiap permasalahan agar semangat untuk berjaya akan ternam dalam jiwa pelajar.

Majlis seterusnya ialah penyampaian cenderahati kepada penceramah dan juga moderator disempurnakan oleh Awang Shafie bin Haji Adnan, Yang Dipertua MPP.



PROGRAM SUNTIKAN IMAN 1440/2019 Ramadhan For Kids



Sempena Bulan Ramadhan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat telah mengadakan Program Suntikan Iman 1440H/2019M, *Ramadhan for Kids* yang diadakan pada 19 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 25 Mei 2019 bertempat di Auditorium UNISSA.

Program tersebut telah disampaikan oleh Dr Hajah Ummi Faizah binti Abdul Rahman, pensyarah dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PIIB) UNISSA dan Ustaz Abdul Rahman bin Haji Ajak selaku fasilitator program.

Seramai 114 orang peserta yang terdiri daripada kanak-

kanak yang berumur 12 tahun dan ke bawah telah menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan antaranya ialah *show me your talent*, aktiviti mewarna, *block puzzle*, susun dan padan, dan *Find the Missing & Fill in The Blank*.

Aktiviti ini adalah bertujuan untuk menghiburkan kanak-kanak yang sedang menjalani ibadah Puasa agar tidak merasa letih ketika berpuasa di samping untuk membimbing kanak-kanak untuk melakukan perkara yang berkebaikan. Hadir dalam aktiviti tersebut ialah Ustazah Siti Nurasmah binti Haji Damit, Pengarah Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.



Ustazah Siti Nurasmah binti Haji Damit bersama para pemenang peraduan.

